

JAWAPAN

MODUL PEMBELAJARAN ABAD KE-21

Aktiviti 1: Jalan Galeri (*Gallery Walk*)

Cadangan Jawapan

Cara-cara Mengatasi Masalah Obesiti:

- 1 Amalkan pemakanan seimbang
- 2 Lakukan senaman sekurang-kurangnya tiga kali seminggu.
- 3 Minum air sekurang-kurangnya dua liter sehari bagi orang dewasa.
- 4 Dapatkan nasihat doktor untuk menurunkan berat badan mengikut cara yang betul dan selamat.

Aktiviti 2: *Round Robin*

Cadangan Jawapan

Punca-punca Gejala Rasuah dalam Kalangan Masyarakat:

- Murid 1: Ingin hidup mewah dengan jalan mudah
Murid 2: Kurang pengetahuan agama dan moral
Murid 3: Kelemahan kepemimpinan dan pengurusan organisasi

Kesan-kesan Gejala Rasuah dalam Kalangan Masyarakat:

- Murid 1: Merendahkan harga diri seseorang
Murid 2: Taraf kemiskinan semakin buruk kerana sumber-sumber yang telah ditetapkan bagi membantu golongan miskin diselewengkan
Murid 3: Mengganggu perkembangan ekonomi negara

Langkah-langkah Membendung Gejala Rasuah dalam Kalangan Masyarakat:

- Murid 1: Ibu bapa mendidik anak-anak tentang keburukan amalan rasuah sejak kecil lagi
Murid 2: Pihak berkuasa mengenakan hukuman yang berat terhadap mereka yang terlibat dalam gejala rasuah
Murid 3: Pihak kerajaan mengadakan kempen antirasuah secara besar-besaran

Aktiviti 3: Meja Bulat (*Round Table*)

Cadangan Jawapan

Kepentingan Memelihara Bangunan Bersejarah di Negara Kita:

- Idea Murid 1: Bangunan bersejarah dapat dijadikan sebagai bukti kukuh kepada sesuatu era atau peristiwa sejarah yang pernah berlaku.
Idea Murid 2: Bangunan bersejarah dapat memberikan ikhtiar kepada masyarakat kini untuk meningkatkan semangat patriotisme.
Idea Murid 3: Bangunan bersejarah dapat menarik kedatangan pelancong baik pelancong domestik maupun pelancong asing.
Idea Murid 4: Bangunan bersejarah berperanan penting dalam bidang pendidikan negara khususnya kepada para pelajar dan penyelidik.

Aktiviti 4: Main Peranan (*Role-Play*)

Cadangan Jawapan

Peranan Masyarakat dalam Mempopularkan Permainan Tradisional Melayu:

- Murid 1: Permainan tradisional merupakan warisan bangsa yang tidak ternilai harganya. Namun begitu, kemunculan pelbagai permainan baharu menyebabkan permainan tradisional semakin dipinggirkan oleh masyarakat terutamanya generasi muda. Pada

pendapat kamu, apakah peranan masyarakat dalam mempopularkan permainan tradisional Melayu semula?

Murid 2: Pada pendapat saya, antara peranan yang dapat dimainkan oleh masyarakat untuk mempopularkan permainan tradisional Melayu semula termasuklah masyarakat perlulah memperkenalkan permainan tradisional kepada anak-anak mereka sejak kecil lagi. Sebagai contoh, masyarakat perlulah mengajar anak-anak mereka bermain layang-layang, congkak, batu seremban, dan sebagainya.

Murid 3: Saya bersetuju dengan pendapat kamu. Selain itu, masyarakat perlulah bermain permainan tradisional apabila ada masa terluang. Mereka perlulah mengajak generasi muda untuk turut serta. Dengan cara ini, minat terhadap permainan tradisional dalam kalangan generasi muda akan bertunas.

Murid 1: Anggota masyarakat perlulah bekerjasama untuk mempopularkan permainan tradisional semula. Langkah ini penting demi memastikan permainan ini tidak hilang di telan zaman.

Aktiviti 5: Pembentangan Hasil Sendiri

Cadangan Jawapan

Malaysia merupakan negara yang menjadi destinasi pilihan utama pelancong dari seluruh dunia. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak sekali tempat menarik di Malaysia. Antaranya termasuklah Pulau Pangkor, Pulau Sipadan, Tasik Kenyir, Lata Kinjang, dan sebagainya.

Seterusnya, kawasan tanah tinggi turut menjadi daya tarikan kepada pelancong seperti Cameron Highlands dan Genting Highlands. Selain tempat-tempat yang memamerkan keindahan alam semula jadi, terdapat juga bangunan bersejarah di Malaysia. Misalnya, Kota A Famosa, dan Bangunan Sultan Abdul Samad. Oleh itu, para pelancong akan dapat menimba pelbagai pengetahuan dan pengalaman berharga dengan melancong di Malaysia.

Aktiviti 6: Pengurusan Grafik (*Graphic Organiser*)


Cadangan Jawapan

Lima Alat Ciptaan Sains dan Teknologi yang Paling Penting:

- Alat 1: Telefon pintar
Kegunaan: Memudahkan manusia untuk menghubungi ahli keluarga, saudara-mara, dan rakan-rakan yang berada di seluruh pelosok dunia
- Alat 2: Kereta
Kegunaan: Dapat membawa manusia dari satu tempat ke satunya tempat yang lain dengan cepatnya dan selamatnya
- Alat 3: Televisyen
Kegunaan: Menyalurkan pelbagai maklumat yang berguna dan memberikan hiburan kepada para penonton
- Alat 4: Komputer
Kegunaan: Memudahkan murid-murid untuk melakukan pelbagai urusan seperti mencari maklumat dan menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru
- Alat 5: Lampu elektrik
Kegunaan: Menerangi kawasan yang gelap terutamanya pada waktu malam
- Sebab memilih alat-alat ini: Saya memilih alat-alat ini kerana alat-alat ini mempunyai kepentingan yang amat besar dalam kehidupan manusia. Tanpa alat-alat ini, manusia pasti akan menghadapi pelbagai kesukaran dalam kehidupan kerana alat-alat ini amat diperlukan dalam urusan sehari-hari.

Aktiviti 7: Peta i-THINK

Cadangan Jawapan



Aktiviti 8: Permainan (Games)

Cadangan Jawapan

Tema: Kesihatan dan Kebersihan

Cadangan Soalan yang Dikemukakan oleh Guru:

- 1 Bagaimanakah kamu menjaga kebersihan diri?
- 2 Apakah punca-punca keracunan makanan?
- 3 Mengapa kita perlu menjaga kebersihan di sekolah?
- 4 Nyatakan langkah-langkah untuk mencegah penyakit berjangkit.

Tema: Kerjaya ke Mercu Impian

Cadangan Soalan yang Dikemukakan oleh Guru:

- 1 Apakah kerjaya pilihan kamu?
- 2 Apakah faktor-faktor yang mendorong kamu memilih kerjaya tersebut?
- 3 Mengapa banyak orang yang lebih suka bekerja makan gaji daripada bekerja sendiri?
- 4 Bagaimanakah cara untuk menjadi pekerja yang baik?

Tema: Indah Seni Gah Budaya

Cadangan Soalan yang Dikemukakan oleh Guru:

- 1 Nyatakan jenis-jenis kuih tradisional pelbagai kaum di Malaysia.
- 2 Apakah kepentingan mengetahui budaya sesuatu bangsa?
- 3 Terangkan cara-cara untuk memajukan industri kraf tangan di Malaysia.
- 4 Bagaimanakah aktiviti permainan tradisional dapat menyatukan masyarakat?

Tema: Utamakan Keselamatan

Cadangan Soalan yang Dikemukakan oleh Guru:

- 1 Apakah yang perlu kamu lakukan sebelum menunggang basikal?
- 2 Mengapa murid perlu beratur semasa menaiki bas?
- 3 Mengapa murid tidak boleh melakukan eksperimen di makmal sains tanpa pengetahuan dan kebenaran guru?
- 4 Bagaimanakah cara untuk menjaga keselamatan diri semasa berada di jalan raya?

Tema: Selamat Datang ke Malaysia

Cadangan Soalan yang Dikemukakan oleh Guru:

- 1 Apakah destinasi pelancongan yang ingin kamu lawati di Malaysia?
- 2 Apakah aktiviti yang sesuai dilakukan di tempat tersebut?
- 3 Nyatakan manfaat melancong di dalam negara.
- 4 Bagaimanakah cara untuk menarik kedatangan pelancong asing ke Malaysia?

Tema: Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan

Cadangan Soalan yang Dikemukakan oleh Guru:

- 1 Bilakah kamu sepatutnya mula menabung?
- 2 Mengapakah kita mesti berjimat cermat dalam berbelanja?
- 3 Apakah perkara yang perlu kamu lakukan sebelum membeli sesuatu barang?
- 4 Apakah yang dapat dilakukan oleh seseorang untuk menambah pendapatan keluarga?

Tema: Berbudi kepada Alam

Cadangan Soalan yang Dikemukakan oleh Guru:

- 1 Cadangkan cara-cara untuk meningkatkan hasil tanaman.
- 2 Mengapakah kita perlu berbudi kepada tanah?
- 3 Apakah produk-produk makanan yang dapat dihasilkan daripada ikan?
- 4 Jika anda petani, apakah jenis tanaman yang akan anda tanam? Berikan alasan anda.

Tema: Pentadbiran dan Politik

Cadangan Soalan yang Dikemukakan oleh Guru:

- 1 Siapakah tokoh negara yang menjadi idola kamu?
- 2 Apakah ciri-ciri pemimpin yang baik?
- 3 Mengapakah seseorang pemimpin perlu bijak dalam mentadbir negara?
- 4 Jika kamu diberi peluang untuk memimpin negara pada masa hadapan, apakah yang akan kamu lakukan?

UNIT 1: Anda Sihat Anda Ceria

Aktiviti PIB

Cadangan Jawapan:

- Simptom-simptom keracunan makanan:
 - rasa loya
 - cirit-birit
 - muntah-muntah
 - sakit perut
- Tindakan-tindakan yang perlu dilakukan oleh murid yang mengalami simptom-simptom keracunan makanan semasa berada di sekolah:
 - memberitahu guru bahawa dia mengalami simptom-simptom keracunan makanan
 - meminta guru membawanya ke klinik untuk mendapatkan rawatan

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

B. Tatabahasa

- 1 Kempen gaya hidup sihat diadakan di **tadika** itu.
- 2 Murid **tabika** itu dikejarkan ke hospital kerana mengalami keracunan makanan.
- 3 Amirul menyertai pertandingan **taridra** itu untuk mengasah bakatnya dalam bidang tarian dan lakonan.
- 4 Acara **senamrobik** itu mendapat sambutan hangat dalam kalangan warga sekolah.
- 5 Mereka terhibur apabila menonton persembahan **kugiran** yang diadakan di dewan sekolah.

Aktiviti PAK-21: Kerusi Panas (Hot Seat)

Cadangan Jawapan

- Murid 1: Mengapakah kita perlu mengamalkan gaya hidup sihat?
- Pegawai kesihatan: Kita perlu mengamalkan gaya hidup sihat supaya kita dapat memastikan tahap kesihatan kita berada dalam keadaan yang baik. Selain itu, hidup kita akan sentiasa ceria.

- Murid 2: Apakah amalan gaya hidup sihat?
- Pegawai kesihatan: Satu daripada amalan gaya hidup sihat ialah rajin bersenam. Selain itu, amalkan pemakanan seimbang. Seterusnya, jagalah kebersihan. Akhir sekali, kita perlulah menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala.

Murid 3:	Berapakah kalikah kita perlulah menjalani pemeriksaan kesihatan dalam masa setahun?
Pegawai kesihatan:	Kita perlu menjalani pemeriksaan kesihatan sekurang-kurangnya dua kali dalam masa setahun.
Murid 4:	Apakah kesan jika kita tidak mengamalkan gaya hidup sihat?
Pegawai kesihatan:	Jika kita tidak mengamalkan gaya hidup sihat, kita akan menghidap pelbagai jenis penyakit.

UNIT 2: Kebersihan Lambang Keperibadian

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

A. Membaca

Maksud Rangkap Pertama

Tuhan menjadikan bahasa untuk manusia disertai akal. Manusia menggunakan akal dan bahasa dari zaman ke zaman, bersesuaian dengan perubahan yang berlaku.

Maksud Rangkap Kedua

Tuhan menjadikan orang Melayu dengan warna kulitnya sawo matang. Bangsa ini menjadi pengembara di lautan, mengembara jauh ke pulau-pulau dan pantai-pantai.

Maksud Rangkap Keempat

Bahasa ialah alat untuk manusia menambahkan ilmu. Dengan ilmu, manusia dapat memahami kewujudan alam semesta.

B. Tatabahasa

Petikan 1

- 1 saya
- 2 mereka
- 3 kita
- 4 mereka

Petikan 2

- 1 anda
- 2 kita
- 3 saya
- 4 anda

Petikan 3

- 1 saya
- 2 kita
- 3 kita
- 4 kita

UNIT 3: Indahnya Menuntut Ilmu

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

A. Membaca

- 1 menghadapi sebarang masalah – melalui apa-apa kesukaran
- 2 hampir menyembah bumi – dalam sedikit masa lagi akan roboh
- 3 mudah menular – senang merebak
- 4 sangat sengsara – sungguh menderita
- 5 menara gading – pusat pengajian tinggi

B. Tatabahasa

- 1 ingat
- 2 sihat
- 3 lama
- 4 kurus
- 5 gembira
- 6 lancar
- 7 bersih
- 8 cantik
- 9 luas
- 10 selesa

Aktiviti PIB

Cadangan Jawapan

- Perkara-perkara yang perlu dilakukan oleh ibu bapa atau penjaga untuk anak-anak yang akan memulakan sesi persekolahan yang baharu:
 - menyenaraikan kelengkapan sekolah yang perlu dibeli untuk anak-anak
 - membeli segala kelengkapan sekolah tersebut
 - membayar yuran persekolahan anak-anak
- Sebab ada murid yang kurang bersemangat untuk memulakan sesi persekolahan yang baharu:
 - mereka tidak mempunyai kelengkapan sekolah yang cukup
 - mereka bimbang kalau-kalau tidak dapat menyesuaikan diri dengan suasana kelas yang baharu
 - mereka bimbang kalau-kalau subjek yang akan dipelajari lebih susah daripada sebelum ini

UNIT 4: Ilmu Penyuluhan Hidup

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

A. Menulis

- 1 Adakah aku akan didenda oleh Cikgu Idham?
- 2 Aku masuk ke bilik itu setelah diarahkan oleh Cikgu Idham.
- 3 Ceritakanlah masalah kamu itu kepada saya.
- 4 Bagaimanakah kamu dapat menumpukan perhatian terhadap ajaran guru nanti?
- 5 Ibu terpaksa melakukan pelbagai kerja untuk menyara keluarga.
- 6 Oh, Tuhan, berikanlah aku peluang untuk membetulkan kesilapanku!

Aktiviti PAK-21: Temu Janji Pantas (Speed Dating)

Punca-punca Gejala Ponteng Sekolah dalam Kalangan Murid:

Cadangan Jawapan

- 1 Kurang berminat terhadap pelajaran
- 2 Cara pengajaran guru kurang menarik
- 3 Menghadapi masalah peribadi
- 4 Menghadapi masalah keluarga
- 5 Kurang pemantauan daripada ibu bapa
- 6 Pengaruh rakan sebaya
- 7 Peraturan sekolah terlalu ketat
- 8 Tahap ekonomi keluarga rendah

B. Tatabahasa

- 1 sesawang – Vimala melayari laman **sesawang** itu untuk mencari maklumat tentang syarat-syarat kemasukan ke sekolah asrama penuh.
- 2 tetikus – Ikmal menggerakkan **tetikus** itu dengan tangan kanannya.
- 3 bertukar-tukar – Mereka **bertukar-tukar** pendapat tentang kepentingan ilmu pengetahuan dalam kehidupan.
- 4 bebalai – Zarul berehat di atas **bebalai** itu untuk melepaskan penat.
- 5 kekunci – Mei Hwa menekan papan **kekunci** komputer ribanya untuk menyiapkan buku skrap itu.
- 6 besar-besaran – Kempen Mari Membaca diadakan secara **besar-besaran** untuk menyemaikan amalan membaca dalam kalangan masyarakat.
- 7 sesiku – Tukang rumah itu menggunakan **sesiku** untuk mengukur sudut tepat.
- 8 tergesa-gesa – Oleh sebab **tergesa-gesa** ke pejabat, Encik Tham terlupa membawa telefon pintarnya.
- 9 dedaun – Puan Suraya menyapu **dedaun** kering yang bertaburan di halaman rumahnya.
- 10 ingat-mengingatkan – Kita perlu **ingat-mengingatkan** antara satu dengan yang lain tentang bahaya demam denggi.

MODUL PP PRAKТИS PRA-PT3 1

Sistem Bahasa

Kesalahan Tatabahasa

1 Kata Ganti Nama

- (i) Kita – Kami
- (ii) kamu – kalian
- (iii) Siapa – Sesiapa
- (iv) Itulah – Inilah
- (v) Patik – Hamba

3 sungguh

4 bukanlah

5 sekali

6 amat

7 tidak

8 amat

2 Kata Adjektif

- (i) hormatkan – hormat akan/hormat kepada
- (ii) terbaru – terbaharu
- (iii) bencikan – benci akan
- (iv) paling terunggul – paling unggul/terunggul
- (v) tercantik sekali – tercantik/cantik sekali

Pemahaman

Petikan Prosra

Prosa Tradisional “Pelanduk Mengajar Memerang”

- (i) Berdasarkan petikan prosra tradisional tersebut, perkara-perkara yang diadukan oleh memerang laki bini kepada Nabi Allah Sulaiman ialah mereka dianiaya oleh Syah Alam di Rimba dan ketujuh-tujuh ekor anak mereka telah dibunuh oleh Syah Alam di Rimba.
- (ii) ... kita haruslah membela kematian ahli keluarga kita dengan cara yang betul
... kita hendaklah mendengar masalah rakyat dan berusaha untuk menyelesainya
- (iii) ... menyiasat sama ada perkara yang diadukan oleh memerang laki bini itu betul atau salah
... menjatuhkan hukuman kepada Syah Alam di Rimba jika terbukti dia memang bersalah

Petikan Puisi

“Pantun Alam Remaja”

- (i) Berdasarkan **rangkap keempat** Pantun Alam Remaja, perkara yang dilakukan oleh adik-beradik tersebut ialah mereka menarik sebarang jenis tarian bersama-sama. Selain itu, mereka menyanyikan sebarang lagu bersama-sama.
- (ii) ... terdiri daripada tujuh rangkap
... setiap rangkap mempunyai empat baris
- (iii) ... ibu bapa perlulah meluangkan masa untuk mendengar masalah anak-anak
... ibu bapa hendaklah membawa anak-anak melancang ke tempat-tempat menarik di negara kita

Ringkasan dan Ulasan

- 1 janji manis serta umpan gaji lumayan pihak sindiket
- 2 mengesahkan kelemahan dalam sistem penguatkuasaan di negara ini
- 3 menggunakan pelbagai strategi untuk mengelirukan pihak berkuasa
- 4 sukar dikesan oleh pihak berkuasa
- 5 mudah memasuki mana-mana negara di dunia
- 6 segala kelengkapan seperti tiket kapal terbang dan penginapan wanita terbabit disediakan

Aktiviti PIB

Cadangan Jawapan:

- Cita-cita ahli keluarga:
 - ibu: guru
 - ayah: wartawan
 - abang: juruterbang
 - kakak: ahli perniagaan
- Kepentingan Cita-cita:
 - kita akan mempunyai hala tuju dalam kehidupan
 - menjadi pembakar semangat untuk kita mengharungi kehidupan
 - mengelakkan kita daripada melakukan perkara-perkara yang negatif

Aktiviti PAK-21: Kafe (Cafe)

Cadangan Jawapan

Murid bercerita tentang cita-citanya.

Bercita-cita Menjadi Doktor:

- 1 Memang meminati cita-cita sebagai doktor sejak kecil
- 2 Mahu merawat orang yang sakit
- 3 Dapat berkhidmat kepada masyarakat
- 4 Dapat memantapkan kemahiran dalam bidang Perubatan

Bercita-cita Menjadi Juruterbang:

- 1 Kerjaya sebagai juruterbang dipandang tinggi oleh masyarakat
- 2 Mahu menerbangkan pesawat
- 3 Dapat berkunjung ke negara orang
- 4 Dapat memperoleh pendapatan yang lumayan

Bercita-cita Menjadi Guru:

- 1 Menunaikan harapan ibu bapa
- 2 Dapat mendidik murid-murid menjadi orang yang berguna kepada agama, bangsa, dan negara
- 3 Dapat melatih diri menjadi orang yang penyabar dan tabah
- 4 Dapat memberikan pengalaman yang berharga

Bercita-cita Menjadi Tentera:

- 1 Mahu mengikut jejak ayah
- 2 Mahu mempertahankan negara daripada ancaman musuh
- 3 Meminati kerjaya yang lasak
- 4 Dapat melatih diri menjadi orang yang berdisiplin

Bercita-cita Menjadi Chef:

- 1 Meminati bidang masakan
- 2 Dapat mencipta pelbagai menu
- 3 Dapat berkerja di hotel yang bertaraf lima bintang
- 4 Berasa puas hati apabila dapat memasak makanan untuk orang lain

UNIT 5: Cita-cita Setinggi Bintang

MODUL PBD PRAKТИS DSKP

A. Membaca

Rahsia Kejayaan Saufi

- Sentiasa mematuhi jadual belajar
- Mengulang kaji pelajaran setiap hari
- Menumpukan perhatian terhadap ajaran guru
- Mengadakan perbincangan dalam kumpulan
- Banyak membuat latihan

B. Tatabahasa

- 1 adalah
- 2 sekali

UNIT 6: Budi Disemai, Bakti Dituai

MODUL PBD PRAKТИS DSKP

A. Membaca

Maksud Rangkap Pertama

Roti yang dibuat di dapur membangkitkan selera. Selera tersebut bangkit kerana baunya yang harum.

Maksud Rangkap Keempat

Bagi orang yang beriman dan mempunyai sifat kemanusiaan yang tinggi, selepas berasa kenyang mereka akan teringat akan warga miskin yang tidak mendapat makanan seperti mereka. Orang yang beriman memikirkan tugas untuk membela orang miskin.

Maksud Rangkap Kelima

Jika banyak orang yang beriman, maka berkangalih orang yang menderita di dunia ini. Orang yang susah akan bersyukur kerana mereka dibantu oleh golongan yang berada dan beriman.

B. Tatabahasa

- 1 Wafi mendapat tempat **pertama** di dalam kelasnya.
- 2 Mereka membincangkan **beberapa** isu berkaitan dengan kerjaya dalam bidang perhotelan.
- 3 Usahawan terkenal itu anak **ketiga** dalam keluarganya.
- 4 **Sesetengah** orang lebih suka bekerja sendiri daripada bekerja makan gaji.
- 5 Hanya **lima** orang calon akan dipanggil untuk sesi temu duga bagi jawatan pegawai tadbir itu.
- 6 Saya menunggu doktor itu selama **suku** jam.
- 7 **Kedua-dua** orang pemuda itu bekerja sebagai jurutera di Syarikat Bumi Gemilang Sendirian Berhad.
- 8 Kumar mengeluarkan **dua pertiga** daripada wang simpanannya untuk membeli motosikal.
- 9 **Ribuan** orang telah mengunjungi pameran kerjaya yang dianjurkan oleh pihak kerajaan pada hari Ahad yang lalu.
- 10 Kita mestilah berani menghadapi **segala** dugaan untuk menjadi arkitek yang berjaya.

UNIT 7: Remaja Berintegriti

MODUL PBD PRAKТИS DSKP

A. Mendengar dan Bertutur

- Anda: Dengan menyertai aktiviti sebegini, kita akan dilatih supaya memiliki disiplin yang tinggi. Lebih-lebih lagi, aktiviti lasak memerlukan komitmen yang tinggi.
- Rakan: Saya bersetuju dengan pendapat kamu. Aktiviti lasak ini mampu meningkatkan kecerdasan fizikal kita. Minda kita pula akan menjadi lebih cerdas. Hasilnya, kita dapat memahami pelajaran yang diajarkan oleh guru dengan lebih mudah.
- Anda: Ya, betul kata-kata kamu. Seperkara lagi, dengan menyertai aktiviti lasak, kita dididik supaya mementingkan semangat kerjasama antara ahli pasukan. Untuk menjayakan sesuatu aktiviti lasak, kita perlulah bertoleransi, bersatu padu, dan berganding bahu.
- Rakan: Bak kata pepatah, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.

Aktiviti PIB

Cadangan Jawapan:

- Perkara-perkara yang perlu dilakukan oleh remaja semasa menyertai aktiviti lasak:
 - memakai pakaian yang sesuai
 - mengutamakan keselamatan diri
 - mematuhi peraturan yang telah ditetapkan
- Tanggapan negatif remaja terhadap aktiviti lasak:
 - aktiviti lasak hanya sesuai disertai oleh segilintir remaja
 - aktiviti lasak hanya membuang masa remaja
 - aktiviti lasak ialah aktiviti yang berbahaya
 - aktiviti lasak akan menyebabkan remaja mengalami kecederaan

B. Tatabahasa

Kata Bantu

- 1 masih
- 2 sedang
- 3 pernah

Kata Penegas

- 1 lagi
- 2 cuma
- 3 memang

Kata Arah

- 1 atas
- 2 tepi
- 3 belakang

UNIT 8: Integrasi Teras Kehidupan

MODUL PBD PRAKТИS DSKP

B. Tatabahasa

- 1 Sebenarnya
- 2 bahawasanya
- 3 bezanya
- 4 Istimewanya
- 5 harganya
- 6 murahnya
- 7 Banyaknya
- 8 sepatutnya

MODUL PP PRAKТИS PRA-PT3 2

Sistem Bahasa

Kesalahan Tatabahasa

- 1 Kata Keterangan
 - (i) amat sungguh menarik – amat menarik/sungguh menarik
 - (ii) pernah – sedang
 - (iii) tidak – bukan
 - (iv) akan – telah
 - (v) paling tertinggi – paling tinggi/tertinggi
 - (vi) masih – sudah
- 2 Kata Bilangan dan Penjodoh Bilangan
 - (i) helai – gulung
 - (ii) Tiap – Tiap-tiap
 - (iii) ketiga – ketiga-tiga
 - (iv) sebentuk – serawan
 - (v) satu setengah camca – satu camca setengah

Pemahaman

Petikan Cerpen

Cerpen “Banjir di Mata Emak”

- (i) Berdasarkan petikan cerpen, Mak Piah tergelincir jatuh dan kepalanya cedera. Setelah tubuhnya kaku, barulah jenazahnya ditemui tetangga.
- (ii) ... personifikasi – contohnya, *Tanda soal berbaur dura menyambut kehadiran*
... repetisi – contohnya, *Tapi saya tak pernah kirim apa-apa kepada mak. Tak pernah telefon, sebab mak memang tak berapa dengar.*
- (iii) ... ya, kerana sebagai anak, Nana bertanggungjawab meringankan tugas ibunya, Mak Piah
... kerja-kerja membersihkan rumah selepas banjir tidak mungkin dapat dilakukan oleh Mak Piah seorang diri

Petikan Puisi

“Pantun Budi”

- (i) ... budi baiknya akan sentiasa dikenang dan menjadi sebutan orang
... dia dipandang mulia dalam kalangan masyarakat
- (ii) ... repetisi – contohnya, *Bunga melati bunga di darat*
... peribahasa – contohnya, *Bagai cincin dengan permata*
- (iii) ... generasi muda menganggap bahawa budi bahasa bukanlah perkara yang penting dalam kehidupan
... ibu bapa kurang memainkan peranan dalam mendidik anak-anak agar berbudi bahasa
... guru-guru kurang menekankan aspek budi bahasa dalam kalangan murid

Ringkasan dan Ulasan

Rajah menunjukkan peratus penggunaan Internet bagi seisi rumah pada tahun 2019. Sebanyak 76.5 peratus, iaitu peratusan penggunaan tertinggi adalah bagi mendapatkan maklumat diikuti oleh 74.3 peratus untuk membuat khidmat kiriman teks. Selain itu, sebanyak 50.2 peratus untuk mengisi masa lapang dan 46.4 peratus untuk kegiatan dalam jaringan sosial. Selebihnya, 45 peratus untuk tujuan pendidikan, 27.4 peratus untuk tujuan kewangan, dan 19.5 peratus untuk urusan rasmi. Sememangnya, kemudahan Internet menjadikan dunia ini tanpa sempadan. Oleh itu, tidak hairanlah jika tujuan mendapatkan maklumat menjadi peratusan tertinggi dalam penggunaan Internet. Kesimpulannya, kepentingan penggunaan Internet dalam kalangan masyarakat memang tidak dapat dinafikan.

FOKUS KBAT

Pemahaman (Komsas – Sajak)

- (i) Berdasarkan sajak *Roti*, orang yang beriman berasa masih ada beban di bahu mereka walaupun mereka sudah kenyang kerana golongan miskin belum terbelia. Selain itu, golongan miskin masih merintih lapar dan dahaga.
- (ii) Dua persoalan yang terdapat dalam sajak *Roti* ialah ketika lapar, manusia tidak dapat menahan nafsu makan dan apabila makan makanan yang sedap manusia akan makan sehingga kenyang.
- (iii) Pada pendapat saya, golongan miskin perlu dibantu kerana mereka merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat yang berhak untuk menikmati hidup yang selesa. Selain itu, golongan miskin amat memerlukan bantuan untuk meneruskan kelangsungan hidup.

UNIT 9: Bahasaku di Persada Dunia

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

A. Seni Bahasa

Nilai

- 1 kepatuhan
- 2 kejujuran
- 3 keberanian

Pengajaran

- 1 Kita hendaklah patuh akan arahan pemerintah.
- 2 Kita hendaklah bersikap jujur terhadap pemerintah.
- 3 Kita haruslah berani mempertahankan pemerintah daripada ancaman musuh.

B. Tatabahasa

- 1 amat tepat sekali
- 2 Banyak benar
- 3 begitu penting
- 4 sangat petah
- 5 terlalu tinggi
- 6 malu benar

Aktiviti PAK-21: Meja Bulat (Round Table)

Cadangan Jawapan

Cara-cara Memartabatkan Bahasa Melayu di Negara Kita:

- Menyertai Program Bulan Bahasa Melayu yang diadakan di sekolah
- Menggunakan bahasa Melayu ketika berkomunikasi walaupun dengan rakan yang berlainan kaum
- Menggunakan bahasa Melayu yang betul dalam media sosial
- Pihak ibu bapa perlu mendidik anak-anak tentang kepentingan bahasa Melayu sejak mereka kecil lagi
- Pihak media massa perlu memperbanyak rancangan berbahasa Melayu

UNIT 10: Indah Sastera, Cantik Bahasa

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

A. Mendengar dan Bertutur

Kawan-kawan, saya meminta maaf kerana tidak dapat menghadiri sesi latihan pada petang semalam. Saya berasa amat kesal. Saya bukannya sengaja. Saya terpaksa menjaga adik bongsu saya yang berumur lapan bulan. Hal ini berlaku demikian kerana ibu saya kurang sihat. Saya berharap agar kawan-kawan sudi memaafkan saya. Saya berjanji perkara ini tidak akan berulang kembali.

B. Menulis

Rangkap Pertama:

Semua sepakat sokongan padu,
Aku mengangguk tanda setuju.

Rangkap Kedua:

Membuat rujukan di perpustakaan,
Fakta sesuai menjadi pilihan.

Rangkap Ketiga:

Kerja menghafal menjadi senang,
Hasil tunjuk ajar kakak tersayang.

Rangkap Keempat:

Gigih berlatih setiap hari,
Pidato kusampaikan lancar sekali.

Rangkap Kelima:

Terima kasih guru dan rakan budiman,
Kini kejayaan dalam genggaman.

Aktiviti PIB

Cadangan Jawapan

- Faedah-faedah menyertai pertandingan pidato:
 - mengasah bakat sebagai pemidato
 - meningkatkan keyakinan diri
 - meningkatkan kemahiran berbahasa
 - dapat bersaing secara sihat
- Persiapan-persiapan yang perlu saya lakukan jika saya terpilih untuk menyertai pertandingan pidato di sekolah:
 - menghasilkan teks pidato yang dapat meyakinkan para pendengar
 - meminta tunjuk ajar guru tentang cara berpidato yang baik
 - banyak berlatih di hadapan cermin
 - belajar mengawal perasaan gugup

UNIT 11: Sejarah Kita

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

A. Membaca

Maksud Tersirat

- 1 rajin berusaha
- 2 meninggal dunia
- 3 penjajahan Barat
- 4 patriotik
- 5 mengenang jasa

B. Tatabahasa

- 1 penjajahan
Penjajahan Inggeris ditentang habis-habisan oleh Rentap.
- 2 penentangan
Penentangan Rentap telah menimbulkan kemarahan rejim Raja Brooke.
- 3 pemerintahan
Kehidupan rakyat Sarawak semakin tertindas di bawah **pemerintahan** Inggeris.
- 4 kedudukan
Kedudukan Rentap di Bukit Sadok terancam akibat serangan rejim Raja Brooke.
- 5 kepahlawanan
Kepahlawanan Rentap sukar dihapuskan oleh rejim Raja Brooke.

Aktiviti PIB

Cadangan Jawapan

- Pejuang kemerdekaan – Datuk Maharaja Lela:
 - Pembesar delapan Perak
 - Menentang British di Perak
 - Membunuh J.W.W Birch
- Sebab-sebab kita perlu menghargai jasa para pejuang kemerdekaan:
 - mereka sanggup bergadai nyawa untuk membebaskan negara daripada belenggu penjajah
 - mereka sanggup mengetepikan kepentingan peribadi demi negara yang tercinta
 - tanpa mereka, kita tidak akan hidup dalam keadaan aman seperti sekarang
 - mereka mempunyai semangat patriotik yang tinggi

UNIT 12: Pusaka Tanah Air

MODUL PBD PRAKТИS DSKP

A. Menulis

Malaysia kaya dengan kesenian dan kebudayaan yang **unik** daripada pelbagai kaum. Kesenian dan kebudayaan yang diwarisi secara turun-temurun ini merupakan **identiti** bangsa Malaysia yang harus dikekalkan dan dipertahankan. Namun dewasa ini, rasa cinta terhadap warisan bangsa **dalam** kalangan generasi muda semakin malap. Oleh itu, usaha yang sewajarnya harus dilaksanakan **untuk** menanam dan memupuk rasa cinta yang mendalam terhadap warisan bangsa.

Penubuhan kelab kebudayaan di sekolah merupakan usaha awal yang cukup berkesan untuk menyemaikan rasa cinta generasi muda kepada kesenian dan kebudayaan warisan bangsa. Lantaran itu, **Kementerian Pendidikan Malaysia** perlu **memberikan galakan dan bantuan** yang secukupnya **kepada pihak sekolah** dalam bentuk khidmat nasihat, **kostum**, dan peralatan. Murid-murid pula hendaklah diberi peluang untuk membuat persembahan kesenian dan kebudayaan dalam majlis **rasmi**. Antara contoh kelab kesenian dan kebudayaan yang dapat ditubuhkan termasuklah **Kelab Kesenian Sekolah** dan **Kelab Tunas Budaya**.

B. Tatabahasa

1 Kesalahan kata: ke

Pembetulan: Labu sayong banyak terdapat **di** negeri Perak Darul Ridzuan.

2 Kesalahan kata: kecuali

Pembetulan: Kemunculan permainan moden menyebabkan permainan tradisional seperti wau, congkak, **dan** gasing semakin terpinggir.

3 Kesalahan kata: ialah

Pembetulan: "Tujuan kami ke Sabah **adalah** untuk menyaksikan Pesta Kraf," kata Amelia kepada rakannya, Latifah.

4 Kesalahan kata: dari

Pembetulan: Kelarai buluh mempunyai corak atau pola geometri yang diilhamkan **daripada** alam semula jadi.

5 Kesalahan frasa: Semua murid-murid

Pembetulan: **Semua murid** yang berminat untuk melawat ke Pusat Tenunan Songket Siti Khadijah diminta berkumpul di dewan sekolah.

6 Kesalahan frasa: pelbagai jenis barang-barang tinggalan sejarah

Pembetulan: **Pelbagai jenis barang tinggalan sejarah** seperti senjata, pakaian masyarakat pada zaman dahulu, dan batu bersurat dipamerkan di Muzium Negara.

7 Kesalahan frasa: paling hebat sekali

Pembetulan: Wan Yahaya Abdullah merupakan pendukung seni yang **paling hebat/hebat sekali**.

8 Kesalahan frasa: memperoleh banyak pengalaman

Pembetulan: Mahasiswa universiti itu **banyak memperoleh pengalaman** ketika berkunjung ke Istana Jahar, Kelantan.

MODUL PP PRAKТИS PRA-PT3 3

Sistem Bahasa

Kesalahan Tatabahasa

1 Kata Pemeri

(i) ialah – adalah

(ii) adalah – ialah

(iii) ialah – adalah

(iv) ialah – adalah

(v) adalah – ialah

2 Kata Kerja

(i) sekolah – bersekolah

(ii) hadir – menghadiri

(iii) kata – berkata

(iv) bahagi-bahagikan – membahagi-bahagikan

Pemahaman

Petikan Prosa

Cerpen "Talia dan Raksasa Qadqad"

- (i) ... saiznya sebesar kepala budak
... rupanya mirip katak, namun tidak serupa

- (ii) ... baik hati – contohnya, Talia menampal daun dalut pada bagian kepala katak raksasa yang cedera itu
... jujur – contohnya, Talia bercerita tentang katak raksasa yang dilihatnya kepada ibu dan ayahnya dengan jujurnya
(iii) ... bagian kepala katak raksasa yang cedera itu sukar untuk sembuh
... katak raksasa itu terpaksa menanggung kesakitan dalam tempoh yang lama
... katak raksasa itu akan mati

Aktiviti PAK-21: Lawatan ke Galeri (*Gallery Walk*)

Cadangan Jawapan

Persoalan yang Terdapat dalam Cerpen "Talia dan Raksasa Qadqad":

- 1 Sikap tamak, iaitu mahu mendapatkan sesuatu dengan sebanyak-banyaknya tanpa memikirkan nasib pihak lain.
- 2 Pengadilan memerlukan saksi.
- 3 Kebijaksanaan untuk menyelesaikan masalah.
- 4 Sentiasa bersedia untuk menyelamatkan pemerintah.

Petikan Puisi

"Pantun Nasihat"

- (i) ... jika hendak membuat pekerjaan yang baik, janganlah berlebih-lebihan sehingga tidak kena pada tempatnya
... pekerjaan yang jahat hendaklah dihindarkan sama sekali
(ii) ... persefahaman antara suami dengan isteri mampu menjamin kebahagiaan
... budi bahasa amat penting dalam hidup bermasyarakat
(iii) ... supaya kita tidak menyenggung perasaan orang lain
... supaya kita dapat mengelakkan diri daripada berbalah dengan orang lain

Karangan

Karangan Jenis Fakta/Rencana

Soalan 2

Rangka Karangan

Pendahuluan

penggunaan media sosial bukanlah perkara asing dalam kalangan remaja – *Facebook*, *Twitter*, *Instagram*, *WeChat*, *WhatsApp*, dan sebagainya – mendatangkan kesan buruk jika disalahgunakan

Isi-isi Penting

- (a) membuang masa – menghabiskan masa yang lama untuk menggunakan media sosial – mengabaikan perkara yang lebih penting seperti mengulang kaji pelajaran
- (b) tidak cukup tidur – tidur pada larut malam kerana leka dengan media sosial – mengantuk di dalam kelas – prestasi pelajaran merosot
- (c) membazirkan wang – remaja perlu menambah nilai prabayar – kadang-kadang sanggup berlapar – tidak dapat membezakan kehendak dengan keperluan yang lebih penting
- (d) terpengaruh oleh budaya tidak sihat – media sosial memaparkan pelbagai bahan tanpa sekat – misalnya, terpengaruh oleh kumpulan muzik yang terpesong – remaja mudah terpengaruh jika tiada pengawasan

Penutup

media sosial dapat mendatangkan kesan buruk kepada remaja – ibu bapa perlu mengawasi anak-anak mereka – berpada-pada dalam menggunakan media sosial

UNIT 13: Warna-warni Budaya

A. Menulis

Pendahuluan

permainan tradisional – warisan nenek moyang – kurang diminati oleh generasi muda – langkah-langkah berkesan wajar diambil untuk mempopularkan permainan tradisional

Isi-Isi Penting

- (a) ibu bapa memperkenalkan permainan tradisional kepada anak-anak – membeli set permainan tradisional sebagai hadiah ulang tahun kelahiran anak-anak – menarik minat anak-anak terhadap permainan tradisional

- (b) pihak sekolah mewujudkan kelab permainan tradisional dalam aktiviti kurikulum – permainan tradisional seperti wau, gasing, congkak, batu seremban, dan konda-kondi diajarkan kepada murid-murid – didedahkan dengan keunikan dan keistimewaan permainan tradisional – lebih menghargai permainan tradisional
- (c) pihak media massa menghebahkan kebaikan permainan tradisional – iklan, poster, dan dokumentari berkaitan dengan permainan tradisional disiarkan untuk tontonan umum – masyarakat lebih mengenali permainan tradisional – berasa “dekat” dengan permainan tersebut
- (d) pihak kerajaan menyediakan tempat atau gelanggang permainan tradisional – tempat atau gelanggang tersebut perlu dibina di kawasan yang strategik – contohnya, di sekitar kawasan perumahan – memudahkan rakyat bermain permainan tradisional – generasi muda dapat menghabiskan masa senggang dengan bermain permainan ini

Penutup

semua pihak perlu berganding bahu – mempopularkan permainan tradisional – semua pihak diminta bekerjasama – memastikan permainan tradisional terus mendapat tempat dalam hati masyarakat

B. Tatabahasa

- 1 Pak Abas **meraut** buluh untuk dijadikan rangka wau.
- 2 Abang Irfan pernah **mengikuti** kursus mencanting batik di negeri Terengganu.
- 3 Tuk Dali **menghadiahkan** sebiji gasing kepada cucunya.
- 4 Beliau **mengucapkan** tahniah kepada mereka yang terlibat dalam pementasan wayang kulit itu.
- 5 Kita perlulah **menghargai** alat muzik tradisional seperti seruling, kompong, dan rebana.
- 6 Lukman **mengangkat** kotak yang berisi papan congkak itu.
- 7 Encik Razif mahu **memasarkan** kain songket buatan tangan pada peringkat antarabangsa.
- 8 Wai Kit **memasuki** Kompleks Kraf Kuala Lumpur dengan perasaan gembira.

UNIT 14: Segalanya Bermula di Sini

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

A. Mendengar dan Bertutur

Masalah yang berkaitan dengan rumah kos rendah ialah kekurangan rumah tersebut di negara kita. Cara-cara mengatasi masalah ini ialah pihak berkuasa perlu memastikan bahawa rumah kos rendah diperuntukkan kepada golongan yang benar-benar layak sahaja. Selain itu, pihak pemaju perumahan hendaklah memperbanyak dan mempercepat pembinaan rumah kos rendah. Seterusnya, pihak bank harus menawarkan pinjaman perumahan yang lebih banyak dan tempoh pembayaran balik dengan kadar maksimum.

Aktiviti PIB

Cadangan Jawapan

- Jenis-jenis rumah yang terdapat di negara kita:
 - rumah teres
 - rumah berkembar
 - rumah banglo
 - kondominium
 - pangsapuri
- Ciri-ciri rumah idaman saya:
 - rumah yang besar dan selesa
 - terletak di kawasan kampung
 - mempunyai lima bilik tidur
 - mempunyai empat bilik mandi
 - mempunyai ruang tamu yang luas

B. Menulis

Kesalahan	Pembetulan
1 ta’zim	takzim
2 suami-isteri	suami isteri

3 Semoga dengan kehadiran tuan/puan akan memeriahkan majlis kami	Semoga dengan kehadiran tuan/puan akan meriahkan majlis kami
4 Warisan bangsa sangat berharga!	Warisan bangsa sangat berharga.
5 kehomat	kehormat
6 pehak	pihak

UNIT 15: Keselamatan Diri

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

A. Membaca

- 1 kita mestilah menggunakan laluan yang selamat dan biasa digunakan oleh orang ramai
- 2 barang-barang berharga tidak seharusnya kita bawa bersama semasa di luar rumah
- 3 menaiki kenderaan orang lain yang tidak dikenali, terutamanya orang yang kelihatan mencurigakan juga
- 4 berjalanlah dalam kumpulan atau ditemani rakan
- 5 berwaspada dan mengawasi keadaan sekeliling

B. Menulis

Perenggan Deduktif

Isi 1

Antara langkah keselamatan di bengkel termasuklah murid mestilah memakai pakaian yang kemas dan sesuai. Oleh hal yang demikian, murid akan berasa lebih selesa dan selamat untuk melakukan kerja. Contohnya, murid memakai apron dan kasut bertutup sebelum melakukan kerja di bengkel. Tegasnya, langkah memakai pakaian yang sesuai amat penting bagi menjamin keselamatan murid.

Perenggan Induktif

Isi 2

Murid akan selamat jika mereka melaporkan kes kemalangan atau kerosakan peralatan di bengkel kepada guru dengan segeranya. Laporan ini bertujuan untuk memudahkan guru mengambil tindakan yang sewajarnya. Contohnya, guru dapat memberikan rawatan kecemasan kepada murid yang mengalami kecederaan. Dengan itu, murid-murid diingatkan supaya memaklumkan sebarang kejadian kecemasan yang berlaku di bengkel kepada guru yang terlibat secepat mungkin.

UNIT 16: Anda Prihatin, Anda Selamat

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

A. Menulis

Ringkasan

Punca utama jenayah siber semakin berleluasa ialah kemunculan Internet sebagai alat komunikasi. Berjuta-juta laman sesawang telah diaktifkan dan tidak dapat dikenal pasti tujuannya. Selain itu, pengguna siber kurang maklumat tentang penggunaan teknologi secara selamat. Jenayah siber turut berpunca daripada sikap pengguna siber yang cuai dalam penggunaan laman sosial, iaitu mereka mempamerkan butir-butir peribadi kepada umum dengan sewenang-wenang. Penggunaan perbankan atas talian tanpa sedar juga telah mendedahkan kata laluan kepada penjenayah siber sekali gus memudahkan mereka untuk menggodam atau mencuri informasi perbankan pengguna. Seterusnya, pengguna siber yang meluangkan masa yang lebih lama untuk melayari laman sosial dan membuka pautan yang tidak dapat disahkan sumbernya berisiko tinggi menjadi sasaran penipuan, pemalsuan, dan pencerobohan penjenayah siber.

Aktiviti PAK-21: Sumbangsarana (Brainstorming)

Cadangan Jawapan

Kesan-kesan Jenayah Siber

- 1 Maklumat peribadi terdedah
- 2 Kerugian wang ringgit
- 3 Kestabilan politik tergugat
- 4 Kemusnahan harta benda
- 5 Maruah diri tercemar

B. Tatabahasa

Kesalahan	Pembetulan
1 paling tinggi sekali	paling tinggi/tinggi sekali
2 menitik beratkan	menitikberatkan
3 mengapakah	mengapa
4 saling bantu-membantu	saling membantu/ bantu-membantu
5 semua penduduk-penduduk	semua penduduk/ penduduk-penduduk
6 daripada	oleh

MODUL PP PRAKТИS PRA-PT3 4

Sistem Bahasa

Kesalahan Tatabahasa

1 Kosa Kata Bahasa Istana

- (i) sakit – gering
- (ii) Allahyarham – Almarhum
- (iii) pegebumian – pemakaman
- (iv) dilahirkan – diputerakan

2 Kata Ganda Seluruh & Kata Ganda Separa

- (i) murid-murid – murid
- (ii) barang-barang – barang
- (iii) dedaun-dedaun – dedaun
- (iv) cantik-cantik – cantik
- (v) anak-anak – anak

Pemahaman

Petikan Prosa

Cerpen “Menuai Emas”

- (i) ... mereka sudah terlalu letih
... tiada waris yang mahu menyambung tugas mereka
- (ii) ... teknik pemerian – contohnya, *Alif masih di petak emas, berembun pada pagi yang masih dingin*
... teknik imbas kembali – contohnya, *Alif terimbau perbualan dengan pegawai pertanian yang sentiasa tidak lokek maklumat dengannya*
- (ii) ... pihak bank atau institusi kewangan perlulah memberikan pinjaman kepada generasi muda
... pihak media massa perlulah menyiaran iklan atau dokumentari tentang kebaikan bidang pertanian untuk tontonan umum

Petikan Puisi

“Pantun Kasih Sayang”

- (i) ... menyimpan impian untuk mendapatkan seorang wanita yang cantik serta tiada bandingannya
... menggunakan muslihat untuk memikat anak gadis orang
- (ii) ... asonansi – contohnya, *Harap hati kepada tuan* (perulangan vokal *a*)
... aliterasi – contohnya, *Buah mengkudu kusangka kandis* (perulangan konsonan *k*)
- (iii) ... ibu bapa perlulah mendidik anak-anak dengan penuh kasih sayang
... guru-guru hendaklah menerapkan nilai-nilai murni dalam diri murid-murid di dalam kelas atau semasa mereka mengikuti aktiviti kokurikulum

Ringkasan dan Ulasan

Selain itu, polisi tentang pembuangan sampah dan kitar semula perlu digubal. Seterusnya, penjenayah alam sekitar wajar dikenakan hukuman yang lebih berat. Pihak media massa perlu berperanan penting, contohnya merancakkan iklan agar timbul kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang kempen kitar semula. Kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pula perlulah memperbanyak tong sampah dan pusat kitar semula. Manakala, badan bukan kerajaan haruslah menubuhkan persatuan atau badan tertentu untuk menjayakan program kitar semula.

FOKUS KBAT

Pemahaman (KOMSAS – Prosa Tradisional)

- (i) Perkara-perkara yang dilakukan oleh Syah Alam di Rimba setelah mendengar bunyi burung bubut ialah mengingati langkah pertikaman pada zaman dahulu kala cekak perkelahian dan memencak silat langkah gelombang dua belas.
- (ii) Berdasarkan petikan prosa tradisional tersebut, dua perwatakan Syah Alam di Rimba ialah prihatin akan masalah yang dialami oleh rakyatnya dan pandai bersilat.
- (iii) Pada pendapat saya, Syah Alam di Rimba tidak wajar dihukum atas perbuatannya itu kerana Syah Alam di Rimba memijak anak-anak memerang secara tidak sengaja. Selain itu, memerang memang patut menerima balasan atas kesalahannya menganiaya ikan-ikan di rimba itu.

UNIT 17: Sukan Milik Semua

MODUL PBD PRAKТИS DSKP

A. Membaca

- Idea Utama 1: Bagi negara seperti Malaysia yang rakyatnya terdiri daripada berbilang kaum, sukan dapat dijadikan alat untuk menyatupadukan masyarakat.
- Idea Sampingan 1: Kegiatan sukan ini memberikan peluang untuk mereka bekerjasama dan menyemaikan konsep saling memerlukan antara satu dengan yang lain.
- Idea Sampingan 2: Hal ini dapat mengeratkan perpaduan sekali gus mewujudkan masyarakat yang harmoni.
- Idea Utama 2: Jalinan politik antara negara dapat juga diperkuuh dengan pengajuran pelbagai temasya sukan seperti Piala Dunia, Sukan Olimpik, dan Sukan Komanwel.
- Idea Sampingan 1: Jalinan dua hala dapat dibentuk melalui semangat kesukanan yang tinggi.
- Idea Sampingan 2: Soal kalah atau menang bukanlah perkara yang menjadi tumpuan tetapi manfaat daripada penyertaan sukan tersebut yang perlu dititikberatkan.
- Idea Utama 3: Selain itu, aktiviti sukan pada peringkat kebangsaan atau antarabangsa akan membangkitkan minat rakyat untuk melibatkan diri dalam acara sukan tersebut.
- Idea Sampingan 1: Hal inilah yang menyebabkan pihak Kementerian Belia dan Sukan menganjurkan pelbagai jenis aktiviti sukan dan kejohanan bertaraf dunia.
- Idea Sampingan 2: Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah merombak kurikulum sukan peringkat sekolah rendah dan menengah untuk mengembalikan kegemilangan sukan di negara ini.

B. Menulis

Piala ini
berjaya kuju lung
berkat kegigihan berlatih setiap hari
tanpa kenal erti penat dan jemu.

Tekadku cuma satu
melakukan yang terbaik
tidak rela membiarkan guruku hampa
lantaran beliau berhati mulia
menjadi teman setia
membimbingku selalu.

Galakan ibu dan ayah
menjadi pembakar semangat
mengukuhkan keyakinan
untuk membuktikan kemampuan.

Aku berjanji
walau apa-apapun terjadi
pelajaran tidak aku abaikan
aku percaya tidak salah bersukan
asalkan tahu berpada-pada
asalkan pandai membahagikan masa.

Aktiviti PIB

Cadangan Jawapan

- Pengalaman menyertai aktiviti sukan:
 - pernah menyertai pertandingan lumba lari 100 meter
 - terus memecut
 - berjaya menjadi juara
- Cara menggalakkan murid menyertai aktiviti sukan di sekolah:
 - pihak sekolah menyediakan peralatan sukan yang cukup untuk murid
 - ibu bapa menjadi suri teladan kepada anak-anak

Kesimpulan

Akhirulkalam, saya berasa sungguh gembira sepanjang menyertai program ini. Walaupun program yang dijalankan mengambil masa yang agak singkat, program ini banyak memberikan pengalaman yang menarik. Keunikan Kampung Sungai Pasu akan sentiasa tersemat dalam hati. Saya berharap agar program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

UNIT 18: Seronoknya Beriadah

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

A. Mendengar dan Bertutur

- menyertai aktiviti rekreasi
- memberikan penjelasan tentang aktiviti tersebut, Nurin
- mengisi masa lapang
- mendapatkan keseronokan, menenangkan fikiran, dan merehatkan badan
- berjoging, berbasikal, berenang, mendaki gunung, berkelah, dan bersiar-siar
- menyertai aktiviti rekreasi
- meningkatkan kecerdasan, mengurangkan tekanan, menghayati keindahan alam sekitar
- menimba pengalaman berharga dan berkenal-kenalan dengan rakan-rakan baharu juga

B. Tatabahasa

Kesalahan Kata Ganda	Pembetulan
1 berperingkat-berperingkat	berperingkat-peringkat
2 tiba-setiba	tiba-tiba
3 lahan-perlahan	perlahan-lahan
4 kata-kataan	kata-kata
5 peserta-peserta	peserta
6 Kedua-kedua	Kedua-dua

Aktiviti PAK-21: Baca dan Tanda (Read and Highlight)

Cadangan Jawapan

Hari ini, pagi-pagi lagi, ayah akan membawa kami bersiar-siar dan beriadah di taman rekreasi. Saya segera bersiap-siap. Kami memakai pakaian sukan.

Ketika kami sampai di taman itu, pengunjung-pengunjung sedang melakukan pelbagai aktiviti. Ada yang sedang berjoging. Ada yang sedang bersenam. Ada pula yang menemani anak-anak mereka bermain. Suasana di taman itu riuh-rendah dengan suara gelak ketawa kanak-kanak.

Taman itu dikelilingi pepohon yang rendang. Ayah mengajak aku melakukan senaman ringan lebih dahulu sebelum mula berjoging. Kami berjoging bersama-sama kira-kira selama satu jam. Ibu pula menemani adikku bermain jongkang-jongket di taman permainan yang terdapat di situ. Setelah penat, kami pun pulang ke rumah.

UNIT 19: Kenali Malaysia

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

A. Menulis

Pendahuluan

Pada cuti sekolah yang lalu, saya berpeluang untuk menyertai program inap desa yang dianjurkan oleh Persatuan Pendidikan Moral sekolah saya. Sebanyak 40 orang ahli persatuan mengikuti program tersebut. Program inap desa yang dijalankan selama dua hari itu diadakan di Kampung Sungai Pasu, Raub, Pahang.

B. Tatabahasa

Kesalahan	Pembetulan
1 mengketengahkan	mengetengahkan
2 mempaparkan	memaparkan
3 memukau	memukau
4 merasmi	merasmikan
5 mempermuatkan	memuatkan
6 menakses	mengakses
7 menampak	menampakkan
8 membirukan	membiru

Aktiviti PIB

Cadangan Jawapan

- Pendapat tentang Taman Tamadun Islam:
 - tempat yang menarik untuk dilawati
 - menempatkan pelbagai monumen
 - memperlihatkan keindahan seni bina Islam
- Kebaikan meloncong di dalam negara:
 - menjmakatkan kos
 - mengenali budaya masyarakat setempat
 - meningkatkan rasa cinta akan negara
 - mengeratkan hubungan kekeluargaan

UNIT 20: Cintai Malaysia

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

A. Mendengar dan Bertutur

Anda: Saya dan Faris telah berbincang untuk memilih Pulau Langkawi, Kedah sebagai destinasi percutian kita kali ini. Hal ini dikatakan demikian kerana di Pulau Langkawi terdapat pelbagai keistimewaan. Antara keistimewaan termasuklah pelbagai aktiviti menarik dapat kita serta sepanjang kita bercuti di sana. Misalnya, kita dapat menaiki kereta kabel, melawat ke Makam Mahsuri, mengelilingi pulau-pulau yang indah, dan sebagainya. Apakah pendapat kamu?

Rakan: Saya pula memilih Pulau Redang, Terengganu sebagai destinasi percutian kita kali ini. Hal ini dikatakan demikian kerana saya amat teruja untuk melawat ke tapak pemeliharaan penyu dan mahu melihat penyu bertelur.

Anda: Saya memahami keinginan kamu. Namun begitu, pakej yang ditawarkan untuk ke Pulau Langkawi lebih murah berbanding dengan pakej untuk ke Pulau Redang.

Rakan: Oh, begitu!

Anda: Untuk ke Pulau Langkawi, kita akan mengambil masa antara enam hingga tujuh jam dari Kuala Lumpur ke Kuala Perlis. Kemudian, kita akan mendapatkan feri dari Jeti Kuala Perlis ke Pulau Langkawi dengan tambang yang berharga RM38.00 untuk perjalanan dua hala.

Rakan: Kalau begitu, saya bersetuju untuk memilih Pulau Langkawi sebagai destinasi percutian kita kali ini.

B. Membaca

Pada pendapat saya, kita dapat memainkan peranan dalam memperkembang industri pelancongan negara melalui beberapa cara. Pertamanya, adalah dengan mempromosikan destinasi pelancongan yang menarik di Malaysia melalui media sosial.

Contohnya, kita bercerita tentang destinasi pelancongan yang menarik kepada rakan-rakan kita yang berada di luar negara. Selain itu, kita hendaklah mengutamakan pelancongan di dalam negara apabila kita merancang untuk bercuti. Seterusnya, kita perlulah memberikan layanan yang baik kepada para pelancong yang datang ke negara kita. Misalnya, kita melayan mereka dengan mesranya dan menyediakan tempat peninapan yang terbaik untuk mereka. Akhir sekali, kita mestilah menjaga kebersihan dan mengekalkan keindahan negara kita. Langkah ini penting supaya negara kita terus dikunjungi dan dikagumi oleh para pelancong.

Aktiviti PAK-21: Meja Bulat (Round Table)

Cadangan Jawapan

Kepentingan Industri Pelancongan kepada Negara:

Idea 1: Meningkatkan pendapatan negara

Idea 2: Membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat

Idea 3: Memperkenalkan dan mengembangkan industri kraf tangan di Malaysia

Idea 4: Menarik pelabur asing untuk melabur di negara ini

Idea 5: Malaysia akan terkenal di serata dunia

MODUL PP PRAKТИS PRA-PT3 5

Sistem Bahasa

Kesalahan Tatabahasa

1 Imbuhan *peR-* dan *peR-...-an*

- (i) pertunjukkan – pertunjukan
- (ii) pendalaman – pedalaman
- (iii) Pelakuan – Perlakuan
- (iv) Persalah – Pesalah
- (v) Petapa – Pertapa
- (vi) perjuang – pejuang

2 Imbuhan *peN-* dan *peN-...-an*

- (i) petempatan – penempatan
- (ii) pegawal – pengawal
- (iii) Pengunaan – Penggunaan
- (iv) Perlumba – Pelumba
- (v) peterbitan – penerbitan
- (vi) Perletakan – Peletakan

Pemahaman

Petikan Prosa

Drama “Mahkamah”

- (i) ... Bulat bin Leper telah membuang kulit pisang ke tempat yang wajar dan betul
... Bulat bin Leper tidak melakukan apa-apa kesalahan
- (ii) ... keadilan mesti ditegakkan dengan apa-apa cara sekalipun ... kebenaran pasti akan terserlah juga akhirnya
- (iii) ... supaya beliau dapat menentukan sama ada tertuduh bersalah atau tidak
... supaya beliau dapat menjatuhkan hukuman dengan adilnya

Petikan Puisi

“Syair Nasihat (*Penghujung Thamarat al-Muhimmah*)”

- (i) ... dengan ilmu, perkara yang benar dengan yang tidak benar dapat dibezaikan
... dengan adanya ilmu, pemimpin dapat mengetahui sama ada rakyat benar atau salah
- (ii) ... kita hendaklah menuntut ilmu yang benar dan menghindarkan diri daripada menuntut ilmu sesat
... kita hendaklah rajin melakukan setiap pekerjaan yang telah diamanahkan kepada kita
- (iii) ... kerana sifat ikhlas amat dituntut dalam agama
... kerana sifat ikhlas dapat menyucikan hati kita

Ringkasan dan Ulasan

Sebagai pengguna, kita mestilah bijak semasa berbelanja dan mengurus pembelian. Pertama, kita mestilah menyenaraikan barang yang hendak kita beli agar kita tidak membeli barang-barang yang tidak kita perlukan dan akhirnya kita akan melakukan

pembaziran. Kita turut digalakkan supaya memantau harga barang lebih dahulu. Tindakan tersebut dapat membantu kita mendapatkan barang dengan harga yang lebih murah. Selain itu, kita perlulah meneliti kualiti sesuatu barang sebelum membelinya untuk memastikan barang tersebut masih elok. Akhir sekali, kita haruslah membeli barang mengikut kemampuan supaya kita tidak dibebani hutang. Kesimpulannya, pengguna yang bijak tidak akan membuat pembelian yang merugikan diri sendiri.

Aktiviti PIB

Cadangan Jawapan

- Kepentingan menjadi pengguna bijak:

- dapat menjimatkan perbelanjaan
- dapat mengelakkan berlakunya pembaziran
- tidak menjadi mangsa tipu helah peniaga
- tidak dibelenggu masalah hutang
- Hak-hak pengguna:
 - hak untuk mendapatkan keperluan asas
 - hak untuk membuat pilihan
 - hak untuk mendapatkan maklumat
 - hak untuk mendapatkan ganti rugi
 - hak untuk mendapatkan barang dan perkhidmatan yang selamat
 - hak untuk menyuarakan pendapat

UNIT 21: Indahnya Ukhuwah

MODUL PBD PRAKТИS DSKP

A. Menulis

Pendahuluan

terlibat dalam aktiviti perjumpaan semula murid kelas Tahun Enam Inovatif 2017 – diadakan di sebuah restoran

Isi-isi Penting

- (a) berkumpul semula dengan kawan-kawan yang sudah lama terpisah – teringat kenangan lama
- (b) bertukar-tukar hadiah sambil bertanyakan khabar – menceritakan perkembangan diri masing-masing
- (c) berbual-bual sambil menikmati juadah – pelbagai perkara menjadi topik perbualan – suasana riuh-rendah
- (d) berswafoto sebagai kenang-kenangan – akan memuat naik gambar tersebut dalam laman sosial, iaitu *Facebook* dan *Instagram*

Penutup

aktiviti perjumpaan semula berjalan dengan lancarnya – hubungan dengan kawan-kawan akrab kembali

B. Tatabahasa

- 1 kami – kita
- 2 kita – kami
- 3 Aku – Saya
- 4 dia – kamu
- 5 Mereka – Kami
- 6 kami – kita
- 7 Kita – Saya
- 8 dia – kamu

AKTIVITI PIB

Cadangan Jawapan

- Jenis-jenis perayaan di Malaysia:

- Hari Raya Aidilfitri
- Hari Raya Aidiladha
- Tahun Baharu Cina
- Hari Deepavali
- Hari Krismas
- Hari Gawai Dayak
- Pesta Kaamatan
- Kebaikan menghadiri majlis terbuka:
 - mengukuhkan perpaduan kaum
 - memahami budaya kaum lain
 - mengeratkan hubungan kekeluargaan
 - berpeluang untuk merasai pelbagai jenis makanan tradisi

UNIT 22: Teras Keharmonian

MODUL PBD PRAKТИS DSKP

A. Membaca

- 1 Banyak negara di dunia yang menjadikan Malaysia sebagai contoh kerana rakyatnya dapat hidup dalam keadaan aman walaupun berbeza bangsa, agama, dan budaya.
- 2 Kebaikan yang dapat diperoleh jika perpaduan kaum diperkuuh dalam kalangan masyarakat ialah masyarakat yang harmoni dapat dilahirkan.
- 3 Pada pendapat saya, usaha yang perlu dilakukan oleh pihak sekolah untuk memperkuuh hubungan perpaduan dalam kalangan murid ialah pihak sekolah perlulah mengadakan kempen kesedaran tentang kepentingan perpaduan kaum. Selain itu, pihak sekolah harus menggalakkan murid yang berbilang bangsa menyertai aktiviti kurikulum.

B. Tatabahasa

Kesalahan	Pembetulan
1 sebuah	sebatang
2 untai	ekor
3 sebutir	sepatah
4 seulas	sekeping
5 seketul	seorang
6 sebentuk	sebilah

Aktiviti PAK-21: Meja Bulat (Round Table)

Cadangan Jawapan

Cara-cara Mengukuhkan Perpaduan dalam Kalangan Masyarakat:

- Kita mestilah mengamalkan sikap bertolak ansur sesama kaum.
- Kita hendaklah menghormati adat dan budaya kaum lain.
- Kita hendaklah menyertai aktiviti gotong-royong yang diadakan di kawasan kediaman kita.
- Ibu bapa haruslah mendidik anak-anak melayani jiran tetangga dengan mesranya tanpa mengira bangsa, kaum, dan agama.
- Guru-guru perlulah menerapkan semangat bersatu padu dalam kalangan murid berbilang kaum.
- Pihak media massa menyiarkan iklan tentang kepentingan mengamalkan semangat perpaduan.

UNIT 23: Semarak Negara

MODUL PBD PRAKТИS DSKP

A. Mendengar dan Bertutur

Rumusan:

Malaysia sememangnya kaya dengan destinasi pelancongan yang indah dan menarik. Banyak kebaikan yang dapat kita peroleh dengan melancang ke tempat-tempat menarik tersebut. Pada masa yang sama, kita dapat memupuk semangat patriotik dalam jiwa kita dengan melancang di negara sendiri. Oleh hal yang demikian, kita sebagai rakyat Malaysia perlulah memainkan peranan untuk mengekalkan keindahan tanah air. Kita perlulah bekerjasama untuk memajukan industri pelancongan negara juga.

B. Tatabahasa

Ayat Penyata – Program Kita dan Negara diadakan pada hari Sabtu, 16 Mac 2019.

Ayat Tanya – Apakah tujuan Program Kita dan Negara itu diadakan?

Ayat Seruan – Tahniah, kamu berjaya menjadi johan dalam pertandingan syarahan itu!

Ayat Perintah – Sila patuhi segala peraturan yang telah ditetapkan sepanjang kamu menyertai pertandingan melukis poster itu.

Aktiviti PAK-21: Fikir-Pasang-Kongsi (Think-Pair-Share)

Cadangan Jawapan

Idea Murid 1: Program Kita dan Negara memang banyak kebaikannya kepada murid. Program ini dapat meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan murid. Semangat patriotik sangat penting di dalam negara kita yang rakyatnya terdiri daripada berbilang bangsa. Setiap rakyat di negara ini tidak mengira muda atau tua perlulah mempunyai semangat patriotik.

Idea Murid 2: Selain itu, murid-murid dapat mengisi masa lapang mereka dengan aktiviti yang berfaedah. Hal ini dikatakan demikian kerana murid-murid dapat menyertai pelbagai acara menarik yang diadakan sepanjang Program Kita dan Negara diadakan. Misalnya, pertandingan melukis poster, pertandingan syarahan, Kuiz Sejarah, dan sebagainya.

UNIT 24: Hayati Rukun Negara

MODUL PBD PRAKТИS DSKP

A. Menulis

Pada minggu yang lalu, sekolah saya telah mengadakan Program Motivasi dan Bina Jati Diri khusus untuk semua murid tingkatan dua. Program ini diadakan di dewan sekolah saya. Pada hari tersebut, murid tingkatan dua perlu mendaftarkan diri kepada guru kelas masing-masing lebih dahulu.

Cikgu Nasarudin selaku penyelaras program motivasi telah memberikan taklimat tentang aktiviti yang akan dijalankan. Selepas itu, pengetua sekolah telah dijemput untuk menyampaikan ucapan dan merasmikan Program Motivasi dan Bina Jati Diri.

Seterusnya, bermulalah ceramah teknik menjawab soalan peperiksaan yang disampaikan oleh penceramah jemputan. Saya dan rakan-rakan tidak kering gusi apabila penceramah tersebut menyelitik unsur jenaka dalam ceramah beliau. Namun demikian, banyak ilmu yang bermanfaat dapat kami peroleh daripada ceramah tersebut.

Selesai sesi ceramah, para peserta dihidangkan dengan persembahan drama yang dilakonkan oleh wakil murid tingkatan dua. Drama tersebut berkisarkan kehidupan masyarakat berbilang kaum yang hidup bersatu padu dan harmoni. Walaupun terdapat unsur komedi, drama tersebut sarat dengan nilai murni dan pengajaran.

Selesai makan dan mengerjakan solat zuhur, kami masuk ke dewan semula. Semua murid diminta menyanyikan Lagu Negaraku serta melafazkan ikrar Rukun Negara. Selepas itu, kami perlu menyelesaikan tugas yang diberikan dalam kumpulan.

Pada penghujung program, Cikgu Nasarudin menyampaikan ucapan penutupan. Beliau berharap agar objektif program untuk membina jati diri murid berjaya dicapai. Ternyata, program itu dapat membina keyakinan saya untuk menghadapi cabaran hidup yang mendatang.

B. Seni Bahasa

Karnival Bahasa Melayu akan diadakan pada hari Sabtu, 20 April 2019. Karnival ini bertempat di Dewan Serba Guna Taman Angsana. Karnival yang bertemakan Bahasa Jiwa Bangsa ini dianjurkan oleh Persatuan Penduduk Taman Angsana. Tujuan karnival ini diadakan adalah untuk menyemaikan rasa cinta akan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat. Pelbagai aktiviti menarik akan diadakan sepanjang karnival ini berlangsung. Antara aktiviti tersebut termasuklah pertandingan deklamasi puisi, pertandingan teka silang kata, dan persembahan nyanyian.

MODUL PP PRAKТИS PRA-PT3 6

Sistem Bahasa

Kesalahan Tatabahasa

- 1 Frasa Nama (Bentuk Jamak & Hukum D-M)

- (i) Beberapa orang murid-murid – Beberapa orang murid
- (ii) mini estet – estet mini
- (iii) lain-lain acara – acara-acara lain
- (iv) Al-Hamra Butik – Butik Al-Hamra
- (v) Kebanyakan mangsa-mangsa banjir – kebanyakan mangsa banjir

2 Frasa Adjektif

- (i) comel-comel – comel
- (ii) sungguh indah nian – sungguh indah/indah nian
- (iii) ter lengkap – paling lengkap
- (iv) paling terpantas – paling pantas/terpantas
- (v) kesal sikap – kesal akan sikap
- (vi) perlukan – perlu akan

Pemahaman

Petikan Puisi

Sajak “Dalam Persekutaran Kata-kata”

- (i) ... dapat menambahkan ilmu
... dapat meningkatkan keimanan
- (ii) ... nilai kesedaran – contohnya, manusia perlu menyedari fungsi bahasa dalam kehidupan
... nilai keberanian – contohnya, pelayar di lautan sungguh berani menghadapi cabaran
- (iii) ... kempen Cintai Bahasa Kita perlulah diadakan di sekolah-sekolah di seluruh negara
... pihak media massa perlulah memperbanyak rancangan berbahasa Melayu

Ringkasan dan Ulasan

Banyak faedah yang dapat diperoleh melalui penguasaan bahasa pertama. Penguasaan bahasa pertama membolehkan seseorang itu menguasai budaya Melayu ketika mempelajari bahasa Melayu di sekolah. Dalam masa yang sama, keterampilan berbahasa dan berkomunikasi seseorang itu akan bertambah baik. Di samping itu, pendidikan dalam bahasa pertama berguna juga untuk memperoleh ilmu pengetahuan moden. Dengan menguasai bahasa pertama, keupayaan dan kecekapan komunikatif dalam kalangan murid akan meningkat. Hal ini memungkinkan mereka meluahkan perasaan dan menguasai kemahiran bercerita. Selain itu, mereka dapat memahami sejarah peradaban bangsa, bahasa, dan budaya juga. Seterusnya, kanak-kanak yang mempelajari bahasa pertama dapat mengembangkan imaginasi, daya kreatif, pemikiran kritis, dan penghayatan nilai murni. Akhir sekali, mereka dapat bertutur dengan petahnya menggunakan sebutan dan intonasi yang betul dalam pelbagai situasi.

Karangan Jenis Perbincangan/Pendapat

Soalan 2

Rangka Karangan

Pendahuluan

jiran ialah orang yang paling dekat dengan kita – jiran penting dalam kehidupan kita – walau bagaimanapun, semangat kejiranan pada masa ini semakin luntur

Isi-isi Penting

- (a) masing-masing sibuk dengan kerjaya – pergi ke tempat kerja pada waktu pagi dan pulang ke rumah pada lewat petang – tiada masa untuk bertegur sapa dengan jiran
- (b) aktiviti di kawasan perumahan kurang dijalankan – pada hujung minggu, masing-masing sibuk dengan urusan sendiri – tiada aktiviti yang dilakukan bersama-sama dengan penduduk setempat untuk mengeratkan hubungan kejiranan
- (c) lebih mementingkan rakan sekerja berbanding dengan jiran di sebelah rumah – tidak mengambil tahu tentang masalah jiran – rumah hanya tempat untuk tidur
- (d) leka menggunakan media sosial – lebih banyak menghabiskan masa dengan telefon pintar – tidak memperuntukkan masa untuk menziarahi jiran tetangga

Penutup

semangat kejiranan yang semakin renggang perlu dipulihkan – amalan bertegur sapa dan tolong-menolong perlu dihidupkan kembali – jiran sepatut membawa berkat

FOKUS KBAT

Novel *Meniti Impian*

Antara pengajaran yang terdapat dalam novel *Meniti Impian* ialah kita mestilah bersyukur atas segala nikmat kurniahan Tuhan. Contohnya, Mak Kiah bersyukur apabila mengetahui anaknya, Zahar berjaya melanjutkan pelajaran di IKM.

Selain itu, kita tidak sewajarnya menghina orang yang lebih rendah tarafnya daripada kita. Contohnya, Suhaili menghina Zahar sewaktu Zahar memberitahu Suhaili tentang niatnya untuk belajar di IKM.

Seterusnya, kita hendaklah berjimat cermat. Contohnya, sewaktu di IKM, Zahar membelanjakan wang elautnya secara berjimat cermat kerana tidak mahu menyusahkan keluarganya.

Novel *Darah Titik di Semantan*

Antara pengajaran yang terdapat dalam novel *Darah Titik di Semantan* ialah kita hendaklah memiliki sifat kepimpinan yang baik. Contohnya, Datuk Bahaman mempunyai sifat kepimpinan yang tinggi dalam memimpin pasukan perajuritnya menentang Inggeris.

Selain itu, kita hendaklah sentiasa berwaspada dalam bertindak. Contohnya, Datuk Bahaman berhati-hati dalam tindakannya menghadapi penjaja Inggeris.

Seterusnya, kita hendaklah menepati janji. Contohnya, Datuk Bahaman menepati janjinya dengan sultan. Datuk Bahaman mengarahkan para pengikutnya menembak ke udara semasa bertempur dengan askar-askar sultan.

Novel *Jejak MONPUS*

Antara pengajaran yang terdapat dalam novel *Jejak MONPUS* ialah kita mestilah menyayangi ibu yang telah banyak berjasa kepada kita. Contohnya, Zahar amat menyayangi ibunya, Qistina yang telah mengasuhnya sejak dia ditinggalkan oleh ayahnya.

Selain itu, kita haruslah bersabar dalam melakukan sesuatu perkara. Contohnya, Zahar begitu sabar mencari formula untuk menyelamatkan penduduk kampung daripada serangan ulat bulu berintik hitam.

Seterusnya, kita tidak seharusnya menyimpan dendam terhadap orang lain. Contohnya, Ripin berdendam terhadap Zahar yang telah membelaasnya sehingga sanggup mencuri formula ciptaan Zahar.

Novel *Jalan ke Puncak*

Antara pengajaran yang terdapat dalam novel *Jalan ke Puncak* ialah kita hendaklah berusaha sungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan. Contohnya, Laiman bekerja keras bagi memastikan projeknya berjaya.

Selain itu, kita hendaklah bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas. Contohnya, Laiman menyiapkan kerja yang diarahkan oleh pengurus syarikat dengan penuh tanggungjawab.

Seterusnya, kita hendaklah menerima keputusan orang lain dengan hati terbuka. Contohnya, keputusan Kedek dan Muali untuk meninggalkan projek diterima oleh Laiman dengan hati terbuka.

UNIT 25: Ekonomi dan Perniagaan

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

A. Menulis

Pendahuluan

aku, Rohit, dan Chee Keong anggota Kelab Keusahawanan – membuka gerai pada Hari Keusahawanan – menjual nugget ayam, keropok lekor, dan kentang goreng

Isi-isi Penting

- (a) pukul 7:15 pagi, sudah berada di gerai – mengemaskan semua peralatan – melakukan tugas yang sudah diatur sebelumnya – aku mengoreng makanan – Rohit dan Chee Keong melayan pelanggan – petugas di gerai-gerai lain sibuk mempersiapkan gerai mereka
- (b) pukul 8:00 pagi, kami bersiap sedia menunggu pelanggan – nugget ayam, keropok lekor, dan kentang goreng tersedia di dalam dulang – semuanya masih panas – aromanya membuka selera – teruja sekali – laungan yang berupa ajakan dan pujiyan oleh petugas di gerai lain mula kedengaran
- (c) menjangkakan tidak banyak murid yang datang ke gerai kami – mungkin sudah bersarapan di rumah – jangkaan kami meleset – pukul 8:30 pagi, gorengan pertama nugget ayam, keropok lekor, dan kentang goreng sudah hampir habis terjual – segera mengoreng nugget ayam dan kentang goreng

- (d) pukul 9:00 pagi, golongan ibu bapa mula tiba – berkunjung dari satu gerai ke satuh gerai – terdengar pengumuman tentang cabutan bertuah – terdengar nyanyian karaoke murid-murid – suasana meriah sekali

Penutup

pukul 2:00 petang, Program Hari Keusahawanan berakhir – aktiviti ini berjaya mencapai matlamatnya – berasa gembira – menimba pengalaman baharu

B. Tatabahasa

1 membeli

Ayat Penyata: Puan Husna **membeli** sekampit tepung di kedai itu.

2 boros

Ayat Tanya: Mengapakah kita tidak boleh berbelanja secara **boros**?

3 rak

Ayat Perintah: Tolong ambil tin susu di atas **rak** itu!

4 mahal

Ayat Seruan: Amboi, **mahal** betul harga mesin pengisar ini!

5 terkenal

Ayat Penyata: Beliau usahawan **terkenal** di negara kita.

6 ditubuhkan

Ayat Tanya: Bilakah Kelab Keusahawanan **ditubuhkan** di sekolah itu?

7 label

Ayat Perintah: Sila baca **label** yang terdapat pada kertas pembungkus coklat ini.

8 wang

Ayat Seruan: Nah, ambillah **wang** ini!

UNIT 26: Bijak Wang

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

Menulis

Penulis sekeluarga telah mengambil pelbagai langkah penjimatatan berikutan kenaikan harga minyak dan harga barang. Antara langkah tersebut termasuklah penulis sekeluarga berbelanja secara berhemat. Dalam hal ini, mereka membeli barang yang perlu atau yang benar-benar penting sahaja. Selain itu, ayah dan ibu penulis menyenaraikan barang yang hendak dibeli sebelum ke pasar. Tindakan tersebut dibuat untuk mengelakkan berlakunya pembaziran. Seterusnya, penulis sekeluarga berjimat cermat dalam penggunaan elektrik dan air. Langkah ini perlu untuk memastikan elektrik dan air digunakan dengan sebaik mungkin. Akhir sekali, penulis sekeluarga bercadang untuk menanam sayur-sayuran. Dengan itu, mereka dapat menjimatkan kos untuk membeli sayur-sayuran dan menikmati hasil makanan daripada titik peluh sendiri.

Aktiviti PAK-21: Pembentangan Hasil Sendiri

Cadangan Jawapan

Kesan-kesan Kenaikan Harga Barang:

- Kehidupan golongan yang berpendapatan rendah semakin terhimpit
- Kos sara hidup semakin meningkat
- Peniaga dan badan korporat menggunakan kesempatan ini untuk menaikkan harga barang dan perkhidmatan
- Jumlah pelabur asing akan berkurang kerana kos perkhidmatan di negara kita semakin meningkat
- Kenaikan kos pengangkutan dan kos pemprosesan sesuatu barang

Menulis

Isi 1:

Satu daripada kebaikan menabung ialah kita mempunyai wang simpanan. Wang simpanan tersebut akan bertambah apabila kita menyimpannya di dalam bank. Contohnya, jika kita menyimpan wang dalam akaun simpanan tetap, kita akan dibayar faedah mengikut kadar dan tempoh simpanan. Oleh itu, lebih lama wang itu kita simpan, lebih tinggi kadar faedah yang kita peroleh.

Isi 2:

Selain itu, kita dapat menggunakan wang tersebut untuk menghadapi saat-saat kecemasan. Dalam hal ini, kita perlulah sentiasa bersedia kerana malang tidak berbau. Misalnya, jika kita ditimpa kemalangan atau dijangkiti penyakit, kita dapat menggunakan wang simpanan untuk mendapatkan rawatan di hospital. Tegasnya, wang tabungan yang ada dapat kita gunakan pada waktu-waktu yang tidak terduga.

Isi 3:

Seterusnya, kita dapat membeli barang yang kita ingini. Barang-barang tersebut mungkin amat kita perlukan untuk tujuan pembelajaran di sekolah. Misalnya, beg, buku, dan alat tulis. Sudah terang lagi bersuluh, dengan adanya wang tabungan, kita dapat membeli barang-barang keperluan kita sendiri tanpa menyusahkan ibu bapa.

Isi 4:

Kebaikan menabung yang lain ialah kita dapat melanjutkan pelajaran pada masa hadapan. Kita sangat memerlukan wang untuk menampung kos pembelajaran pada peringkat yang lebih tinggi. Contohnya, kita dapat menggunakan wang tabungan untuk melanjutkan pelajaran di universiti. Dengan itu, kita dapat meringankan beban ibu bapa yang sudah banyak berkorban untuk kita.

Aktiviti PIB

Cadangan Jawapan

- Punca-punca masyarakat kurang minitikberatkan amalan menabung:
 - kurang kesedaran tentang kepentingan amalan menabung
 - kos sara hidup yang terlalu tinggi
 - banyak wang yang digunakan untuk membayar hutang
 - terlalu boros dalam berbelanja
- Cara untuk menggalakkan generasi muda menabung:
 - ibu bapa memupuk amalan menabung dalam kalangan anak sejak kecil
 - pihak sekolah mengadakan ceramah tentang kepentingan amalan menabung
 - pihak institusi kewangan mengadakan pakej-pakej khusus untuk generasi muda dengan pelbagai faedah seperti hadiah lumayan dan perlindungan insurans
 - pihak kerajaan melancarkan kempen kesedaran

UNIT 27: Suburnya Bumiku

MODUL PBD PRAKTIS DSKP

A. Mendengar dan Bertutur

- 1 Buat lubang pada penutup botol dan pada botol di bahagian atas.
- 2 Potong botol menjadi dua bahagian, iaitu bahagian atas botol lebih pendek daripada bahagian bawah botol.
- 3 Pasang sumbu pada bahagian penutup botol dan pastikan sumbu menyentuh bahagian botol yang paling bawah.
- 4 Letakkan larutan baja hidroponik pada bahagian bawah botol.
- 5 Gabungkan bahagian atas dan bahagian bawah botol.
- 6 Letakkan tanaman pada bahagian atas botol.

B. Tatabahasa

Tanaman hiasan ialah tanaman yang ditanam di kawasan persekitaran untuk menghiasi kawasan tersebut. Tanaman hiasan ini ditanam di dalam **bekas** seperti pasu atau ditanam terus dalam tanah. Tanaman hiasan ada yang berbunga dan ada yang **tidak berbunga**. Ada **berbagai-bagai** jenis tanaman hiasan yang ditanam di sekitar rumah atau bangunan. Tanaman hiasan berbeza dari segi pokok, bentuk, warna, dan jangka hayat. Pokok naungan ditanam untuk memberikan teduhan di sesuatu tempat. Contohnya, pokok tembusu, beringin, dan angsana. Pokok renek pula **mempunyai** batang dan cabang. Contohnya, pokok bunga raya, pokok bunga kertas, dan pokok bunga ixora. Pokok-pokok bunga tersebut **mudah sekali** dijaga. Pokok daripada famili palma turut dijadikan penyeri halaman atau ditanam di sepanjang jalan. Contohnya, pokok pinang raja dan pokok kelapa gading manila. Pokok memanjat **atau** menjalar,

misalnya pokok bunga kembang pagi dan pokok bunga ros Jepun turut **mengjadi** pilihan untuk dijadikan tanaman hiasan. Pokok bunga **bermusim** seperti pokok bunga balung ayam, pokok bunga keembung, dan pokok bunga matahari pula berbunga setahun sekali sahaja.

Aktiviti PAK-21: Fikir-Pasangan-Kongsi (Think-Pair-Share)

Cadangan Jawapan

Langkah-langkah Pemuliharaan Hutan:

Idea Murid 1: Antara langkah pemuliharaan hutan termasuklah mewartakan Hutan Simpan dan Taman Negara. Selain itu, kawasan hutan yang telah ditebang perlulah ditanam semula dengan pokok-pokok yang baharu. Di samping itu, Jabatan Perhutanan Malaysia hendaklah menubuhkan ladang hutan untuk mendapatkan bekalan kayu-kayuan yang berharga secara berterusan.

Idea Murid 2: Langkah seterusnya, Jabatan Perhutanan Malaysia perlulah menguatkuasakan beberapa undang-undang untuk mengawal pembalakan haram. Akhir sekali, pihak kerajaan wajar menjalankan Kempen Alam Sekitar untuk menyedarkan masyarakat tentang kepentingan alam sekitar.

UNIT 28: Di Tanah dan di Air

MODUL PBD PRAKТИS DSKP

A. Mendengar dan Bertutur

- 1 Karnival Hari Peladang, Peternak dan Nelayan 2019
- 2 baka kambing ada dijual
- 3 Harganya pula lebih murah
- 4 khidmat nasihat dan bimbingan tentang cara-cara penjagaan kambing yang betul
- 5 Jual Beli Kambing oleh Encik Baharum
- 6 terus diantar selepas pembayaran dibuat
- 7 ubat-ubatan dan dedak kambing
- 8 pembeli akan mendapat ubat dan dedak kambing

B. Membaca

- 1 Punca utama yang menyebabkan kepupusan ikan arowana ialah aktiviti penangkapan yang berleluasa sejak tahun 70-an sehingga kini.
- 2 Aspek pemakanan perlu dititikberatkan sebaik-baik sahaja anak ikan mulai berenang sendirian untuk mengelakkan anak ikan mencederakan sesama sendiri.
- 3 Cara untuk menangkap ikan arowana yang sudah mencapai umur tiga bulan adalah dengan mengurangkan ketinggian paras air lebih dahulu. Kemudian, induk arowana yang berada di dalam kolam penternakan ditangkap dengan menggunakan skop jaring atau jaring yang halus.
- 4 Jika saya diberi peluang untuk menternak ikan, ikan yang akan saya ternak ialah ikan keli. Saya memilih ikan keli kerana ikan tersebut mendapat permintaan yang tinggi di pasaran.

MODUL PP PRAKТИS PRA-PT3 7

Sistem Bahasa

Kesalahan Ejaan

- 1 Keselarasan Huruf Vokal
 - (i) akher – akhir
 - (ii) beranika – beraneka
 - (iii) berhimpon – berhimpun
- 2 Kekecualian Keselarasan Huruf Vokal
 - (i) histiria – hysteria
 - (ii) bonos – bonus
 - (iii) Calun-calun – Calon-calon
- 3 Kata Ambilan daripada Bahasa Inggeris
 - (i) media masa – media massa
 - (ii) dairi – diari
 - (iii) letrik – elektrik

Pemahaman

Petikan Puisi

Sajak “Roti”

- (i) ... orang yang menderita di dunia ini akan berkurang
... orang yang susah akan bersyukur kerana mereka dibantu oleh golongan yang berada dan beriman
- (ii) ... terdiri daripada lima rangkap
... mempunyai dua hingga enam patah kata sebaris
- (iii) ... tidak riak akan kekayaan yang dimilikinya
... sanggup menghulurkan bantuan kepada golongan miskin

Novel

Soalan 1

Novel Meniti Impian

- (a) nilai kerajinan – contohnya, Pak Yusuf rajin mengusahakan bengkel perabotnya walaupun usianya telah mencecah 60-an
- (b) nilai kesyukuran – contohnya, Mak Kiah bersyukur kerana anaknya, Zahar berjaya mencapai impianinya untuk belajar di IKM
- (c) nilai kesetiaan – contohnya, Zahar tetap setia kepada Norimi walaupun Suhaili cuba berbaik-baik dengannya semula

Novel Darah Titik di Semantan

- (a) nilai pengorbanan – contohnya, Datuk Bahaman dan para pengikutnya sanggup berkurban untuk membebaskan tanah air daripada belenggu penjajah
- (b) nilai kebijaksanaan – contohnya, Datuk Bahaman meregang rantai besi di dalam sungai untuk memerangkap musuh-musuhnya
- (c) nilai kepatuhan – contohnya, para pengikut Datuk Bahaman patuh akan arahan beliau

Novel Jejak MONPUS

- (a) nilai keberanian – contohnya, Zahar dan rakan-rakannya berani menjelajah Pulau Pisang yang terlalu banyak kisah seramnya semata-mata untuk membuat kajian tentang ulat bulu
- (b) nilai kesabaran – contohnya, Zahar begitu sabar mencari formula untuk menyelamatkan penduduk kampungnya daripada serangan ulat bulu berintik hitam
- (c) nilai hemah tinggi – contohnya, Qistina tidak menyimpan perasaan dendam terhadap Baharuddin, malah memaafkan bekas suaminya itu

Novel Jalan ke Puncak

- (a) nilai kasih sayang – contohnya, neneh Laiman sanggup membelanjakan wang yang banyak untuk memastikan Laiman mendapat pendidikan tinggi
- (b) nilai keprihatinan – contohnya, Sukri memberikan perhatian kepada Laiman dan mahu memastikan bahawa Laiman tidak teraniaya apabila tangki minyak terbakar
- (c) nilai keinsafan – contohnya, bapa Laiman, iaitu Pak Kiassim insaf setelah memahami pendirian Laiman

Soalan 2

Novel Meniti Impian

- (a) Tema – semangat dan kesungguhan pelatih IKM dalamusaha untuk mencapai kejayaan menjadi tukang perabot yang berjaya
- (b) Persoalan:
 - (i) kasih sayang dalam sebuah keluarga – contohnya, Zahar amat menyayangi emak dan dua orang adiknya, iaitu Halim dan Zakri
 - (ii) ketabahan dalam menghadapi kesusahan hidup – contohnya, Zahar tabah menghadapi kesusahan hidup selepas ayahnya meninggal dunia

Novel Darah Titik di Semantan

- (a) Tema – perjuangan membebaskan tanah air daripada belenggu penjajah
- (b) Persoalan:
 - (i) kepentingan kepemimpinan dalam perjuangan menentang penjajah – contohnya, Datuk Bahaman memperlihatkan sifat kepemimpinan yang baik dalam memimpin para pengikutnya menentang Inggeris

- (ii) fitnah dijadikan sebagai salah satu strategi untuk menjajah orang Melayu – contohnya, pihak Inggeris memfitnah Datuk Bahaman agar sultan mengisyiharkan Datuk Bahaman menderhaka kepada sultan. Hal ini akan melemahkan perjuangan Datuk Bahaman

Novel Jejak MONPUS

- (a) Tema – kegigihan seorang mahasiswa dalam membuat penyelidikan untuk menyelamatkan nyawa manusia yang diancam oleh serangan ulat bulu
- (b) Persoalan:
- kepentingan ilmu sains dalam kehidupan – contohnya, Zahar membuat penyelidikan secara saintifik untuk menghasilkan formula bagi menghapuskan ulat bulu yang menyerang kampungnya
 - kepercayaan tahayul dalam kalangan masyarakat – contohnya, penduduk Kampung Maju Jaya percaya bahawa serangan ulat bulu disebabkan oleh perbuatan sihir

Novel Jalan ke Puncak

- (a) Tema – kegigihan dan kesungguhan seorang anak muda yang berkelulusan universiti untuk mencapai cita-citanya
- (b) Persoalan:
- pengorbanan demi keluarga – contohnya, nenek dan abang Laiman sanggup berkorban demi Laiman. Nenek Laiman mengeluarkan wang yang banyak untuk pengajian Laiman dan abang Laiman pula sanggup menangguhkan perkawianannya kerana wangnya digunakan untuk pengajian Laiman
 - sikap mengutamakan kerjaya sebelum bercinta – contohnya, Laiman tidak memikirkan soal cinta sebelum mencapai kejayaan

Karangan

Karangan Jenis Keperihalan

Soalan 2

Rangka Karangan

Pendahuluan

hujung minggu yang lepas – mengikut ibu membeli-belah di sebuah pasar raya yang terkenal – bertolak awal kerana bimbang sesak dengan orang ramai

Isi-isi Penting

- tiba di pasar raya – sudah banyak orang yang datang – sukar untuk mencari tempat letak kereta
- banyak kedai jualan – sesak dengan orang ramai – membawa keluarga masing-masing membeli-belah pada hujung minggu
- menonton wayang bersama-sama dengan ibu – beratur panjang untuk membeli tiket
- membeli-belah bersama-sama dengan ibu – membeli baju dan seluar

Penutup

pulang pada pukul 6:00 petang – sangat lelah

UNIT 29: Hebatnya Teknologi

MODUL PBD PRAKТИS DSKP

A. Mendengar dan Bertutur

Pada pendapat saya, Internet ada kebaikan dan keburukannya. Pada zaman moden ini, kepentingan Internet memang tidak dapat dinafikan. Walau bagaimanapun, kita hendaklah bijak menggunakan Internet untuk tujuan yang berfaedah, misalnya mencari maklumat tentang pelajaran. Kita boleh melayari Internet asalkan kita tidak leka sehingga mengabaikan pelajaran dan suruhan ibu bapa. Oleh itu, kita hendaklah menggunakan Internet secara berpada-pada.

B. Menulis

Tut! Tut! Tut! Komputer Rayyan berbunyi. Rayyan tersentak. Matanya baru sahaja terpejam.

“Ada-ada sahaja yang mengganggu aku,” bisik hatinya. Jari runcingnya terus menekan papan kekunci. Dia menekan ikon e-mel yang baru diterimanya dengan pantasnya.

Tiba-tiba pandangannya menjadi gelap. Dia hampir rebah. Dia mengumpulkan kekuatan untuk bangun. Setelah mencuba beberapa kali, akhirnya dia berjaya. Rayyan menggosok kepala yang berasa sakit. Dia memerhatikan keadaan sekeliling. Api menjilat-jilat dan asap hitam yang berkepul-kepul memenuhi ruang udara. Mayat bergelimpangan. Rupa mereka sangat pelik. Bau busuk mula menusuk hidung Rayyan.

“Di manakah aku?” soal Rayyan dalam hati.

“Selamat datang, sudah lama kami menanti kamu,” tiba-tiba ada suara yang menyapanya dari belakang. Rayyan menoleh.

“Saya Mel-Ba. Kamu berada di bandar Heliopolis,” kata lembaga itu memperkenalkan dirinya.

Rayyan memerhatikan lembaga itu dari atas ke bawah. Lembaga itu seperti robot.

“Mengapakah aku dibawa ke sini?” soal Rayyan. Dia benar-benar ingin tahu.

“Kami perlukan kamu. Hanya kamu yang dapat membantu kami di angkasa lepas ini,” jelas Mel-Ba.

“Aku sahaja yang dapat membantu kamu? Apakah yang dapat aku lakukan?” balas Rayyan. Dia kebingungan. Mindanya tidak mampu menterjemahkan apa-apa.

“Kami tahu bahwa kamu pakar vaksin Bio-Nano. Kami memerlukan vaksin itu. Tanpa vaksin itu kami tidak dapat kembali kepada keadaan asal. Malah, lebih banyak kaum kami yang akan mati,” terang Mel-Ba.

Rayyan termenung. Dia memahami kata-kata Mel-Ba. Namun begitu, perasaannya berbelah bahagi. Perlukah dia membantu Mel-Ba? Apakah yang akan berlaku jika dia enggan membantu lembaga itu? Dalam masa yang sama, Rayyan berfikir tentang cara untuk kembali ke bumi.

UNIT 30: Dunia Kreativiti

MODUL PBD PRAKТИS DSKP

A. Membaca

- Tujuan utama aku menulis adalah untuk mengekalkan penguasaan bahasanya pada tahap yang paling optimum.
- Pesanan guru Teknologi Maklumat dan Komunikasi di sekolah “aku” ialah semasa menulis blog, “aku” perlulah mengelakkan penggunaan bahasa yang kesat, menghindarkan penggunaan singkatan perkataan, dan tidak menulis gosip atau fitnah.
- Pada pendapat saya, kesan-kesan penyalahgunaan blog termasuklah bahan yang disiarkan tidak sahih atau sekadar khabar angin. Selain itu, perbalahan mungkin timbul jika penulis blog menggunakan blog untuk menjatuhkan kredibiliti orang lain.

B. Menulis

Tatkala melihat sabut kelapa yang dibuang begitu sahaja timbul rancangan dalam kepala mahu menggunakananya semula.

Setelah berfikir dapatlah idea memberitahu rakan tentang cadangan mencipta sesuatu yang berguna sabut kelapa sebagai bahan utama.

Setelah mengikuti pelbagai langkah akhirnya, terciptalah produk inovasi karpet kereta ciptaan asli karpet istimewa menarik sekali.

Menyertai pertandingan inovasi bertempat di sebuah universiti ciptaan unik dan berkualiti berjaya memikat hati para juri dua sekawan menjadi johan.

UNIT 31: Dunia Hanya Pinjaman

MODUL PBD PRAKТИS DSKP

A. Menulis

- 1 tempat haiwan dan tumbuh-tumbuhan hidup secara semula jadi
- 2 sesuatu yang asli (bukan buatan manusia) yang digunakan untuk menguatkan atau untuk mempertahankan sesuatu yang lain
- 3 sistem lingkungan hidup semula jadi yang terbentuk sebagai hasil daripada tindakan menyaling antara benda-benda hidup dengan persekitarannya
- 4 diganggu dan didakwa
- 5 kawasan atau lingkungan yang menahan, menyekat, atau menghalang
- 6 berfikir baik-baik dahulu sebelum melakukan sesuatu supaya tidak menyesal pada hari kemudian

B. Tatabahasa

Kesalahan	Pembetulan
1 para-para pengunjung	para pengunjung
2 segala bentuk-bentuk	segala bentuk
3 mendaratkan	mendarat
4 Semua telur-telur penyu	Semua telur penyu
5 dilepas	dilepaskan
6 lihat	melihat

UNIT 32: Buana Menguntum Senyum

